

12/06/1999

Dividen ASN2 dikecuali cukai

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Kewangan hari ini memberikan pengecualian cukai pendapatan ke atas semua pendapatan yang diterima oleh Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) dan dividen yang dibayar kepada pemegang unit itu.

Permodalan Nasional Bhd (PNB), dalam satu kenyataan di sini menyatakan, dua pengecualian itu adalah untuk tempoh lima tahun mulai tahun taksiran 2000 hingga 2005 (mengikut sistem taksiran tahun semasa).

ASN2 ialah dana saham amanah kelima yang diuruskan PNB selepas Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Harta Tanah PNB (AHP) dan Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020).

Skim itu, dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, adalah saham amanah kedua, selepas ASN, yang diniagakan dengan harga berubah-ubah.

ASN2 dibuka kepada Bumiputera berumur 18 tahun ke atas dan memberi peluang kepada pelabur ASN dan ASB yang mencapai tahap pelaburan maksimum serta pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), untuk melabur.

Menurut kenyataan itu, mulai 10 Jun 1999, saiz tabung ASN yang ada sekarang akan dihadkan kepada 2.5 bilion unit.

Sehingga semalam, sejumlah 2.374 bilion unit ASN dilanggan dan unit yang tinggal ialah 125.6 juta unit.

Sekiranya semua unit ASN itu sudah dibeli, pelabur perlu menunggu sehingga ada pelabur lain menjual unit ASN mereka sebelum boleh membeli unit-unit berkenaan.

Sejak dibuka untuk jualan pada hari Khamis, amanah saham terbaru itu menerima sambutan menggalakkan.

Bagaimanapun, PNB dan bank yang mengendalikan jualan itu, Malayan Banking Bhd (Maybank), belum dapat memberikan jumlah pelaburan setakat ini.

Urus niaga ASN2 dilaksanakan di ibu pejabat PNB di sini dan semua cawangan Maybank.

(END)